



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

1 OGOS 2024 (KHAMIS)

Pelajar KV Pasir Puteh hasilkan silaj untuk ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Utusan Pelajar	22	1 Ogos

Pelajar KV Pasir Puteh hasilkan silaj untuk ternakan

Dari muka 21

“Setiap aktiviti dan cara pembikinan silaj didokumentasikan dalam rakaman video bagi menyertai pertandingan dalam talian anjuran Kementerian Pendidikan kelolaan KV Tanah Merah, Kelantan dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara cawangan Kelantan dan Syarikat Digit360 Sdn. Bhd.

“Hasil usaha kami menjuarai pertandingan yang dilangsungkan pada 21 April lalu menyuntik semangat untuk terus menghasilkan silaj gred A yang diakui berkualiti tinggi,” katanya ketika ditemui *Utusan Pelajar* di KVPP, baru-baru ini.

Menurut Fareez Iqwan, tiga versi penghasilan silaj adalah menggunakan tong cat bersaiz kecil, tong drum besar (bahan terpakai) dan mesin automatik untuk membungkus silaj.

Katanya, sisa buangan tebu (*Mollases*) EM yang dihasilkan sendiri, rumput dan sisa bahan hijau adalah bahan utama.

“Sediakan rumput yang telah diracip halus sekitar tujuh sentimeter (sm) secukupnya untuk dicampurkan dengan larutan EM bercampur *Mollases* dengan nisbah 1:3.

“Bagi silaj dalam tong kecil 50 mililiter (ml) EM bersama 150ml *Mollases* diperlukan. Bagi isian tong drum pula membabitkan 200ml EM nisbah 600ml *Mollases*,” katanya.

Fareez Iqwan memberitahu, rumput atau sisa bahan hijau dimasukkan hingga tiga suku penuh bekas atau tong penyimpanan dengan padat sebelum banchuan larutan EM dan *Mollases* disiram atas permukaan rumput atas tong penyimpanan.



BAHAN hijau yang digunakan dalam proses penghasilan silaj.

“Silaj yang siap dihasilkan itu dimampatkan dan dibungkus kedap yang tahan lebih satu tahun.”

MUHAMAD NAJIB AHMAD

Katanya, tong mesti ditutup dalam konteks kedap udara sehingga tujuh hari bagi menghasilkan silaj yang berwarna keperangan dan berbau masam manis yang sememangnya digemari ternakan.

Rakannya, Nafiz Aminudin berkata, kos pembuatan silaj

rumpun Napier untuk 100 kilogram (kg) hanyalah RM30, RM22 bagi EM dan *Mollases* dengan jumlah RM52 lebih murah berbanding harga dedak palet komersial yang mahal harganya.

“Bukan setakat murah, silaj keluaran KVPP kaya dengan probiotik baik, tinggi serat dan protein mencukupi bagi meningkatkan kesuburan ternakan selain mampu nyah bau najis dan menghalang pembiakan lalat dikandang,” katanya.

Nafiz Aminudin berkata, kemahiran menghasilkan silaj perlu dimiliki sebelum terjun ke dunia penternakan komersial tanpa kebergantungan kepada sumber dedak palet yang berasaskan bahan import. Sehingga kini, katanya,

hasilan silaj turut mendapat permintaan yang tinggi selain KVPP turut menjadi sumber



RUMPUT di padang bola turut dimanfaatkan untuk penghasilan silaj.

rujukan penduduk sekitar yang memelihara lembu, kambing dan rusa.

Sementara itu, Muhamad Najib berkata, kemahiran menghasilkan silaj yang diajar kepada pelajar merupakan asas penting penyediaan diet kepada ternakan.

Katanya, pendidikan secara teori dan amali dan paling utama adalah kaedah untuk menghasilkan EM yang merupakan bahan utama dalam menghasilkan silaj.

“Rumput hijau yang dijadikan silaj bukan setakat rumput yang ditanam di padang ragut malah mengguna pakai rumput yang dipotong di padang bola KVPP.

“Silaj yang siap dihasilkan itu dimampatkan dan dibungkus kedap yang tahan lebih satu tahun,” katanya.

Muhamad Najib berkata, penghasilan silaj dari KVPP turut mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan penternak lembu yang tinggal di sekitar kolej berkenaan.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR